

# PM yakin Malaysia maju tahun 2020

UM - 27/4/2007

KUALA LUMPUR 26 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan mencapai status negara maju menjelang 2020 walaupun ia terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi yang bersifat global.

Perdana Menteri berkata, kedudukan ekonomi negara kini semakin kukuh dan mengalami pembangunan pesat yang dilambangkan oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) memberansangkan di samping projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang giat dibangunkan.

Menurut beliau, perkembangan itu akan memastikan kelangsungan momentum pembangunan negara untuk mencapai sasaran negara maju dalam tempoh yang ditetapkan.

Katanya, jumlah dagangan antara-bangsa negara pada tahun lepas menjangkau nilai lebih RM1 trilion.

"Dalam usaha memacu pembangunan negara secara mapan dan terurus, kerajaan telah mengatur strategi yang terbina kukuh di atas tiga tonggak utama iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian.

"Sektor pembuatan yang masih menjadi penjana utama bagi eksport negara akan dianjakkan kepada rantai nilai yang lebih tinggi. Untuk itu, pembangunan subsektor bernilai tinggi seperti industri petrokimia, maritim dan aeroangkasa akan digalakkan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan tahniah serta ikrar taat setia kerajaan dan rakyat Malaysia pada istiadat pertabalan Tuanku Mizan Zainal Abidin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13 di Istana Negara hari ini.

Abdullah berkata, sektor perkhidmatan pula akan terus diberi perhatian sebagai tonggak kedua ekonomi negara yang akan membantu melonjakkan Malaysia sebagai hab perkhidmatan serantau bagi pelbagai jenis perkhidmatan termasuk pendidikan, kesihatan dan perbankan Islam.

Bagi sektor pertanian pula, Perdana Menteri menambah, kerajaan mahu memperkasakan sektor itu sebagai tonggak ketiga ekonomi negara dengan melaksanakan program 'Pertanian Baru' berteraskan pengeluaran moden dan penambahan nilai tinggi.

"Kita yakin bahawa usaha murni ini bukan saja akan memberi nafas baru kepada sektor pertanian malah akan membantu kerajaan untuk menaikkan martabat masyarakat luar bandar.

"Hasrat kita adalah untuk memastikan bahawa kemewahan yang melimpahi negara kita akan dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan rakyat jelata," jelas beliau.

Tambah Abdullah, dalam usaha merencanakan konteks pembangunan yang lebih saksama kerajaan turut menggiatkan usaha perancangan beberapa koridor pembangunan di selatan Johor, utara dan timur Semenanjung, serta di Sabah dan Sarawak.

"Koridor pembangunan di bahagian utara dan timur Semenanjung kini dalam peringkat akhir perancangan dan akan dilancarkan sebelum akhir tahun ini, sementara koridor pembangunan Sabah dan Sarawak berada pada peringkat perancangan dan akan dilancarkan secepat mungkin," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, usaha pembangunan koridor pembangunan itu adalah satu keutamaan bagi kerajaan supaya nikmat pembangunan dapat dirasai oleh semua rakyat di segenap pelosok negara secara adil dan saksama.